

UCAPAN BRIGIDIER JENERAL DATO PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR UniMAP  
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN SUKAN WOODBALL  
PERINGKAT NEGERI PERLIS  
DI DATARAN DATO' SHEIKH AHMAD, KANGAR PADA 20 FEB. 2009

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam  
Sejahtera

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra  
Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tuanku Raja Muda Perlis  
merangkap Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku  
Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun,

Patik dengan penuh hormat dan takzim merafakkan sembah  
menjunjung kasih Ke Bawah Duli Tuanku berdua, berkenan  
berangkat bercemar duli ke Majlis Pelancaran Sukan Woodball  
Peringkat Negeri Perlis pada pagi ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua pada pagi ini  
membuktikan keprihatinan Tuanku berdua yang ingin menjadikan

budaya sukan sebagai amalan hidup masyarakat di negeri Indera Kayangan ini.

Patik juga menjunjung kasih di atas kepercayaan Tuanku memilih UniMAP sebagai pengajur program pelancaran peringkat Negeri Perlis ini. Sesungguhnya, kepercayaan Duli Tuanku amat kami hargai.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun,

Izinkan patik untuk menyampaikan ucapan kepada sekalian hadirin yang hadir pada pagi ini.

Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Dr. Mad Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Datin Seri.

Yang Berhormat Dato' Yaziz Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis.

Yang Berhormat Tuan Mohamad Zabidi Zainal , Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

Yang Berhormat Tuan Abdul Rasid Sudin, Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis, merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Yang berhormat Dato' Haji Musa Hassan, Pegawai Kewangan Negeri Perlis.

Ahli – ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Ahli – ahli Yang Berhormat.

Dif – dif kehormat dan barisan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Perlis.

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan, wakil-wakil media seterusnya hadirin yang dirahmati Allah Sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah kerana dapat sama-sama berkumpul pada pagi ini bagi menyerikan lagi Majlis Pelancaran Sukan Woodball Peringkat Negeri Perlis.

Semoga kehadiran anda semua akan membawa sinar yang bermakna seterusnya memastikan kelangsungan dan kejayaan penganjuran Sukan woodball yang saya kira masih asing bagi kebanyakkhan masyarakat di Perlis.

Hadirin Sekalian,

Saya kira, ramai yang hadir pada pagi ini masih kabur tentang Sukan woodball apatah lagi corak permainan serta faedah yang bakal kita perolehi melalui permainan ini.

Sebenarnya, woodball yang berasal dari Negara Taiwan bukanlah satu bentuk sukan yang baru diperkenalkan, sebaliknya telah mula memasuki Malaysia sejak tahun 1990-an lagi selepas diperkenalkan oleh Mr Thomas Kok.

Sukan ini juga bukan sahaja sekadar untuk dimainkan pada waktu-waktu lapang, sebaliknya ia merupakan sejenis sukan yang berpotensi besar untuk melahirkan atlit bertaraf dunia.

Ini terbukti melalui kejayaan beberapa atlit Malaysia yang telah menjuarai kejohanan woodball baik di peringkat tempatan maupun di peringkat Antarabangsa.

Selain itu, saya juga melihat potensi sukan ini sebagai satu bentuk promosi pelancongan sekiranya dijalankan dengan bersungguh-sungguh di negeri Perlis ini memandangkan ia kini telah diiktiraf sebagai sukan pelancongan oleh beberapa negeri di Malaysia.

Hadirin sekalian,

Jika ada yang beranggapan sukan ini seperti Golf yang hanya boleh dimainkan oleh golongan berpendapatan tinggi, ternyata anda semua mempunyai tafsiran yang salah.

Memang secara keseluruhannya ia dimainkan seperti Sukan Golf namun perbelanjaan yang diperlukan untuk memainkan woodball adalah sangat rendah.

Dengan hanya wang sekitar RM500, anda telah mampu memiliki satu set lengkap permainan woodball iaitu sebatang pemukul diperbuat daripada kayu (mallet) yang mana Kepala mallet berlapikkan getah dan berbentuk botol beserta bola kayu.

Melihat kepada populariti sukan ini yang telah dimainkan di lebih 26 buah negara di seluruh dunia, saya amat berharap ia akan menarik minat masyarakat Perlis, terutama dikalangan pelajar untuk mempelajarinya sekaligus mampu mewakili negeri seterusnya negara sehingga ke peringkat yang tertinggi.

Hadirin sekalian,

Saya percaya, melalui penglibatan masyarakat dan pelajar-pelajar, bukan sahaja mampu melahirkan masyarakat yang sihat fizikal dan mental, malah dapat merapatkan lagi ukhuwah sesama kita melalui penglibatan secara berkumpulan.

Dan selaku Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, saya sudah pasti dengan sepenuh hati akan menyokong penglibatan staf dan pelajar-pelajar UniMAP dalam sukan ini apatah lagi saya melihat woodball sebagai sejenis sukan yang boleh merapatkan interaksi dan perpaduan sesama kita.

Ini juga selaras dengan hasrat UniMAP untuk muncul juara perpaduan bangsa dan integrasi kaum melalui penglibatan semua bangsa Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Bajau, Senoi atau sesiapa sahaja yang mengakui bahawa dia ialah rakyat Malaysia dalam setiap aktiviti anjuran UniMAP.

Ini kerana, saya percaya, perpaduan bangsa ialah teras kemakmuran dan kesejahteraan negara dan jika anda semua sayang akan negara, maka dahulukanlah sayang akan bangsa kita yang pluralistik sifatnya.

Maka tidak mustahil, penglibatan secara bersama-sama dalam sukan woodball ini akan mengukuhkan lagi teras perpaduan selain mengeratkan hubungan sesama masyarakat berbeza bangsa dan pada masa sama mengamalkan semangat kesukunan yang jitu.

Hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya ingin menyeru anda semua agar mengamalkan semangat kesukunan yang tinggi dan menerima setiap kekalahan sebagai suntikan semangat untuk mencapai kejayaan di masa lain.

Dan janganlah kita mewujudkan sebarang perbalahan atau perselisihan melalui aktiviti kesukunan kerna ia akhirnya akan mendatangkan kerugian yang bukan sedikit.

Majulah sukan untuk Negara.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun,

Sekianlah sahaja ucapan patik pada pagi ini. Patik dan sekalian warga UniMAP dan masyarakat Perlis sekali lagi merafak sembah menjunjung kasih atas kesudian Duli Tuanku berdua bercemar duli ke majlis pagi ini.

Patik sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.